


Silat

DI PERSADA DUNIA



Guru Rob Brandt dari Belanda.

SILAT DAPAT DITAKRIFKAN SEBAGAI “PERGERAKAN DUA TANGAN, DUA KAKI DAN AKAL YANG WARAS UNTUK MEMBELA DIRI”. SILAT MERUPAKAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI ORANG MELAYU YANG DIKATAKAN TELAH WUJUD SEJAK ZAMAN KERAJAAN SRIVIJAYA DAN MENCAPAI KEGEMILANGANNYA KETIKA ZAMAN KERAJAAN MELAYU MELAKA LEBIH DARIPADA 500 TAHUN YANG LAMPAU.

Silat bukan sahaja seni mempertahankan diri, malah merupakan satu gaya hidup masyarakat Melayu suatu masa dahulu. Anak teruna yang tidak mahir bersilat dianggap “tidak sempurna” dan pemerhatian penjajah ketika abad ke-18 dan 19 turut menyatakan bahawa setiap orang Melayu pandai bersilat dan kanak-kanak lelaki sudah didedahkan kepada ilmu persilatan sejak usia muda. Menyentuh asal usul silat, dikatakan terdapat dua aliran utama, iaitu seni silat yang sememangnya berasal dari Nusantara, dan seni silat yang diimport atau diadaptasi daripada seni bela diri asing melalui kedatangan pedagang dan pendakwah zaman dahulu. Namun begitu, seni silat yang berasal dari luar ini telah berasimilasi dengan budaya dan peradaban tempatan dan telah dianggap sebagai silat Melayu yang asli.

Antara ciri utama yang membezakan silat yang berasal dari Nusantara dan silat yang diadaptasi

DUTCH OPEN -2021 VIRTUAL SENI SILAT COMPETITION

daripada seni bela diri asing ialah penggunaan keris. Silat yang berasal dari Nusantara seharusnya mempunyai sistem atau silibus permainan keris. Hal ini dikatakan demikian kerana keris merupakan lambang jati diri Melayu dan satu-satunya senjata khusus orang Melayu dan pakaian peradaban Melayu. Selain itu, permainan dan kaedah silat itu sendiri mencerminkan asal usulnya. Ada juga persilatan yang mengaku bahawa seni mereka telah dibawa masuk dari Damasyik dan Yunan, dan telah diasimilasi dengan budaya tempatan ratusan tahun yang lalu. Dalam hal ini, kedudukan Nusantara sebagai pusat perdagangan dan pertembungan budaya dunia pada suatu ketika dahulu memungkinkan seni silat berkembang dan matang sebagai satu daripada cabang budaya Melayu asli.

Tidak harus dilupakan bahawa silat Melayu pada asalnya ialah seni tempur dan ilmu perang orang Melayu. Seni ini dicipta untuk mempertahankan aqidah, maruah dan pusaka bangsa daripada dijajah penceroboh. Oleh sebab itu, silat bukan semata-mata mempunyai aspek jasmani atau pergerakan fizikal sahaja, tetapi juga diterapkan dengan ilmu spiritual atau keagamaan untuk memperkukuhkan aspek rohani pengamalnya. Selain itu, silat juga menekankan adab dan budaya Melayu yang menjadi teras kepada peradaban dan jati diri Melayu. Hingga kini terdapat ratusan, malahan mungkin ribuan,



Poster Kejujutan Maya Seni Silat Terbuka Belanda 2021.

aliran dan perguruan silat di Tanah Melayu dan serata dunia. Ada yang berkembang daripada mahaguru yang sama, dan ada juga yang berbeza asal usulnya. Ada yang terkenal dan ada juga yang tersembunyi.

Silat Melayu mula berkembang di persada dunia pada tahun 1980-an apabila beberapa orang tokoh telah membawa silat ke peringkat antarabangsa. Profesor Jak Othman merupakan salah seorang tokoh yang mengembangkan silat Melayu ke luar negara. Sebelum itu, para pesilat dari Indonesia dan Filipina telah

membawa silat ke Amerika dan Eropah. Penampilan silat dalam Sukan SEA juga menyumbang kepada populariti silat di mata dunia. Kini, silat dikenali oleh peminat dan pengamal seni bela diri dunia.

Atas dasar itu, pada tahun 2019, silat diiktiraf sebagai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara milik Malaysia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Pada tahun yang sama, pencak silat turut diiktiraf oleh UNESCO sebagai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara Indonesia. Hal ini merupakan



Kelas seni silat di Belanda.

Guru Doc Dority dari Texas, Amerika Syarikat, misalnya, merupakan seorang guru yang bertauliah dan mengajar silat di Amerika Syarikat. Beliau mempunyai banyak anak murid dalam kalangan penduduk setempat. Beliau merupakan pengamal Pencak Silat Mande Muda, Silat Macan Hitam, Seni Silat Kuntau Tekpi dan Silat Harimau Berantai.



Guru Doc Dority (tengah) bersama-sama anak muridnya.

pengiktirafan bertaraf dunia terhadap khazanah warisan peradaban Melayu. Silat dan pencak silat mempunyai asas yang sama, iaitu kebudayaan dan adat istiadat Melayu. Yang membezakannya ialah silat tertumpu pada seni mempertahankan diri, manakala pencak silat menjurus kepada sukan dan pertandingan.

Di Malaysia, badan-badan seperti Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) dan Persatuan Dunia Seni Silat Melayu Malaysia (DSSM) banyak membantu dalam usaha mengembangkan dan mempromosikan seni silat. PESAKA yang diasaskan oleh empat tokoh persilatan negara, iaitu Almarhum Ustaz Haji Hanafi bin Haji Ahmad (Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia), Almarhum Dato' Meor Abdul Rahman (Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia), Almarhum Tan Sri Omar Din Mauju (Persatuan Seni Silat Lincah Malaysia) dan Almarhum Haji Anwar Abdul Wahab (Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia), merupakan badan yang menaungi kebanyakan pertubuhan silat di negara ini. PESAKA mempelopori sukan silat olahraga dan silat seni di Malaysia. Kedua-dua acara ini memberikan perspektif berbeza kepada silat tradisional, iaitu dibentuk menjadi suatu sukan seni bela diri yang diiktiraf di peringkat dunia, setaraf dengan wusyu, tae kwon do dan karate.

Pihak DSSM pula bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara Malaysia untuk mencalonkan silat sebagai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara di bawah UNESCO pada tahun 2018. Pengiktirafan ini memberikan fokus kepada aspek budaya dan seni silat sebagai warisan peradaban Melayu. Selain sukan, aspek kebudayaan dan kesenian adalah penting kerana mewakili jati diri sesuatu bangsa. Dengan pengisytiharan silat sebagai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara, dunia dapat mengenali dengan lebih dekat tentang silat.

Persoalannya, apakah faktor yang menyebabkan silat mampu berkembang ke seluruh dunia? Seni silat bukanlah semata-mata seni mempertahankan diri, tetapi dikatakan sebagai satu budaya atau cara hidup. Seorang pesilat seharusnya dididik dengan disiplin dan adab yang tinggi; adab menghormati guru, ibu bapa, saudara-mara dan rakan-rakan. Adab merupakan elemen terpenting dalam kehidupan seseorang. Tanpa adab, seseorang itu dikatakan kurang ajar dan dianggap tidak bertamadun. Walaupun seseorang itu tinggi ilmunya, tetapi adablah yang mampu menjadikannya seorang manusia yang disegani.

Adab merupakan unsur penting dalam dunia persilatan. Dikhabarkan bahawa anak murid yang tidak beradab dan dianggap menderhaka kepada gurunya akan mendapat balasan yang setimpal dengan kelakuannya. Berkat guru merupakan sesuatu yang amat diharapkan oleh pesilat, dan tanpa berkat guru, seseorang anak murid itu pasti tidak dapat menguasai ilmu persilatannya. Hal ini dikatakan demikian kerana ilmu itu disampaikan menerusi guru yang memegang amanah Allah SWT.

Guru merupakan “kunci” kepada ilmu tersebut, dan jika diamalkan tanpa izin dan restu daripada guru, ilmu tersebut berkemungkinan tidak berkesan atau akan memakan diri. Begitulah pentingnya adab menurut perspektif persilatan, dan seharusnya diamalkan dalam kehidupan harian.


Seorang pesilat juga seharusnya memiliki sifat sabar kerana kesabaran merupakan kesinambungan kepada adab. Dalam agama Islam, sabar adalah sebahagian daripada iman. Sifat kesabaran diberikan nilai yang begitu tinggi, setaraf dengan keimanan. Hal ini bersesuaian dengan amalan dalam persilatan yang secara majoritinya berasaskan agama Islam. Kedatangan Islam ke Nusantara seawal abad ke-7 Masihi membawa banyak perubahan dan penambahbaikan terhadap peradaban Melayu dan juga persilatan.

Islam juga datang bersama-sama beberapa bentuk seni bela diri yang diserapkan dengan budaya tempatan. Hal ini secara langsung memperkasakan seni silat Melayu. Kedatangan Islam membawa bersama-sama falsafah dan konsep baharu yang diserapkan ke dalam silat. Teknik dan falsafah yang terdahulu mengalami pengubahsuaian dan penambahbaikan hasil daripada interaksi dengan budaya luar. Perubahan ini bukan sahaja mempengaruhi seni silat, malahan memberikan kesan terhadap adat, pakaian dan persenjataan.

Kini, silat Melayu diamalkan oleh lebih daripada dua juta pesilat di Malaysia dan semakin mendapat tempat di serata dunia. Silat terus berkembang dengan adanya tenaga pengajar dan guru dalam kalangan bangsa asing yang tertarik dengan keindahan dan keberkesanan seni bela diri Melayu ini. Guru Doc Dority dari Texas, Amerika Syarikat, misalnya, merupakan seorang guru yang bertauliah dan mengajar silat di Amerika Syarikat. Beliau mempunyai banyak anak murid dalam kalangan penduduk setempat. Beliau merupakan pengamal Pencak Silat Mande Muda, Silat Macan Hitam, Seni Silat Kuntau Tekpi dan Silat Harimau Berantai.

Yang menariknya, Doc Dority bukan sahaja mengajar praktikal silat, tetapi turut menelusuri adab dan adat Melayu dalam dunia persilatan. Beliau juga menulis artikel tentang silat dan perbezaan silat berbanding dengan seni bela diri lain. Selain itu, Guru Rob Brandt pula bukanlah nama asing dalam arena persilatan antarabangsa. Beliau yang menerajui Silat Melayu Keris Lok 9 di Belanda giat memperkembangkan silat Melayu di negara tersebut. Beliau juga merupakan seorang pengumpul keris tegar; di samping meminati beberapa jenis seni persenjataan Melayu yang lain.

Dalam situasi pandemik COVID-19 ini, silat tetap bergerak aktif walaupun terpaksa mengikut pelbagai garis panduan dan piawaian yang telah ditetapkan. Silat turut mengambil langkah yang proaktif dengan mengaplikasikan teknologi moden dalam komunikasi untuk menganjurkan kelas dan kejohanan secara dalam talian, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sebagai contoh, Kejohanan Silat Berkeris Kebangsaan 2021 dan Kejohanan Maya Seni Silat Terbuka Belanda 2021.



Seorang pesilat dididik dengan disiplin dan adab yang tinggi.

Seperti yang dinyatakan pada awal penulisan ini, silat dan keris sememangnya tidak dapat dipisahkan. Keris yang merupakan lambang jati diri Melayu digunakan sebagai senjata untuk melindungi diri dan keluarga. Evolusi reka bentuk keris membuktikan pengaruh Islam terhadap seni silat Melayu. Keris yang pada awalnya mempunyai hulu dan ukiran berbentuk antropomorfik (berbentuk manusia) diubah kepada bentuk yang lebih abstrak, tanpa menjejaskan fungsi asasnya atau maksud di sebalik reka bentuknya.

Falsafah keris juga mula dimantapkan dengan konsep dan falsafah berasaskan tauhid dan akidah Islam. Asimilasi budaya ini dilihat sebagai satu faktor yang memudahkan raja dan masyarakat Melayu untuk menerima Islam. Keris juga merupakan pakaian peradaban yang memerlukan pemakainya supaya sentiasa beradab dan bermaruah. Seseorang yang memakai keris atau pekeris tidak seharusnya melakukan perbuatan yang kurang sopan atau memalukan. Secara tidak langsung, keris yang membawa erti jati diri Melayu menjadi pelindung kepada pemakainya daripada melakukan tindakan di luar batasan. Oleh hal yang demikian, keris seharusnya diklasifikasikan sebagai “pakaian peradaban” dan “barang budaya” di bawah undang-undang Malaysia, dan bukan sebagai “senjata berjadual”. Hal ini bersesuaian dengan pengisytiharan keris sebagai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara pada tahun 2008.

Seorang pesilat kebiasaannya dilatih menggunakan lebih daripada satu jenis senjata. Selain keris, senjata seperti pedang, tombak, sundang, tumbuk lada, badik, parang, lawi ayam dan kerambit merupakan senjata warisan yang dipelajari oleh seorang pesilat. Setiap senjata mempunyai kaedah, disiplin dan etikanya yang tersendiri. Melalui latihan bersenjata ini, pesilat



Profesor Jak Othman bersama-sama peserta seminar silat di Amerika Syarikat.

bukan sahaja belajar menggunakan senjata, tetapi juga seharusnya adab dan adat bersenjata dan mengetahui tanggungjawab apabila memiliki senjata.

Seorang pesilat yang dididik dengan adat dan adab Melayu Islam yang sempurna, memakai keris di pinggangnya, tidak akan menghunus senjata atau berkelakuan tidak senonoh dan membahayakan orang sekeliling. Sebaliknya, merekalah yang membantu mengekalkan keamanan dan keharmonian, sepertimana yang berlaku pada zaman kegemilangan kerajaan Melayu terdahulu. Orang yang berbusana dan bertanjak lengkap berkeris tidak seharusnya ditakuti, tetapi sebaliknya diberi penghormatan dan kepercayaan sebagai seorang budiman yang elegan dan berbudi bahasa.

Bak kata perpatah Melayu, “membujur lalu, melintang patah,” begitulah adab dan pembawaan seorang pesilat. Walaupun cekap bermain senjata, tetapi tidak semudah itu seorang pesilat menghunus senjata di pinggang, kecuali maruah agama, bangsa dan tanah air diganggu-gugat. Penerapan adab dan adat inilah yang memberikan kelebihan kepada silat untuk gemilang di persada dunia. **DB**

Seni silat sarat dengan falsafah budaya Melayu.